



## Konsep Bid'ah Menurut Perspektif Muhammad Sa'id Ramadan Al-Buti (1929-2013): Satu Huraian

Muhammad Safwan Harun<sup>1</sup>

Luqman Abdullah<sup>2</sup>

Muhammad Ikhlas Rosele<sup>3</sup>

### ABSTRAK

*Persoalan bid'ah telah diwacanakan dalam kalangan ilmuan Islam sejak zaman berzaman. Pelbagai wacana telah muncul khususnya di zaman ini bagi menyentuh hakikat sebenar bid'ah. Antara yang menarik untuk disoroti ialah perbahasan oleh seorang tokoh ulama beraliran al-Syafi'iyyah (mazhab fiqh) dan al-Asha'irah (mazhab akidah) iaitu Muhammad Sa'id Ramadan al-Buti. Hal ini kerana, perbuatan bid'ah adalah suatu larangan yang dipersetujui oleh ulama di zaman salaf mahupun khalaf. Namun begitu, pendirian ini menjadi polemik yang berterusan kerana terdapat khilaf antara para ulama dalam menilai persoalan-persoalan berkaitan bid'ah di mana perbuatan itu dihukum bid'ah oleh sebahagian ulama dan ianya diharuskan oleh sebahagian yang lain. Dalam hal ini, bid'ah tetap dipersetujui kebatilannya oleh al-Buti namun dalam banyak keadaan beliau dilihat tidak mudah menjatuhkan hukum bid'ah dalam menyelesaikan persoalan-persoalan baru. Oleh itu, kajian ini bertujuan menganalisis pemikiran Sa'id Ramadan al-Buti terhadap teori bid'ah. Seterusnya kajian juga memfokuskan bagaimana pendekatan yang di ambil oleh tokoh ketika berhadapan dengan isu-isu bid'ah. Bagi mencapai objektif kajian, analisis dijalankan dengan menggunakan metode kajian kepustakaan sepenuhnya. Seterusnya data-data yang diperolehi di analisis menggunakan pendekatan analisis kandungan. Hasil kajian menyimpulkan bahawa Sa'id Ramadan al-Buti amat tegas dalam membanteras perkara-perkara bid'ah dalam agama. Justeru itu, al-Buti menolak pemakaian istilah bid'ah hasanah dan dalalah dalam membahaskan isu-isu khilafiah kerana istilah bid'ah itu sendiri mendatangkan persepsi negatif dalam masyarakat. Sebagai solusi, beliau mengetengahkan satu istilah yang lebih relevan di mana ianya berasal dari ilmu usul al-fiqh iaitu masalih mursalah.*

**Kata kunci:** Bid'ah, pemikiran, khilafiah, masalih mursalah

<sup>1</sup> Muhammad Safwan Harun, Pelajar Doktor Falsafah, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. [safwanharun@gmail.com](mailto:safwanharun@gmail.com).

<sup>2</sup> Luqman Abdullah (PhD), Pensyarah Kanan (Ph.D), Jabatan Fiqh dan Usul Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. [luqmanabdullah@um.edu.my](mailto:luqmanabdullah@um.edu.my)

<sup>3</sup> Muhammad Ikhlas Rosele (PhD), Pensyarah Kanan, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. [ikhlas@um.edu.my](mailto:ikhlas@um.edu.my).

## PENGENALAN

Bid'ah adalah suatu perbuatan yang tidak disyariatkan pelaksanaannya dalam Islam. Terdapat banyak dalil tegahan sebagai langkah pencegahan daripada mendekatinya oleh syarak sendiri. Umpamanya hadis yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim dalam riwayat berikut;

عن أم المؤمنين أم عبد الله عائشة رضي الله عنها قالت: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم:  
مَنْ أَخْدَثَ فِي أَمْرِنَا هَذَا مَا لَيْسَ مِنْهُ فَهُوَ رَدٌّ.<sup>4</sup> وفي رواية مسلم: من عمل ليس عليه  
أَمْرٍ فَهُوَ رَدٌّ.<sup>5</sup>

Terjemahan: *Dari Aishah ra berkata: Rasulullah SAW bersabda: "Sesiapa yang mengada-adakan sesuatu perkara yang dalam urusan ini (agama Islam) yang bukan darinya, maka ianya tertolak. Manakala dalam riwayat Muslim menyatakan sesiapa yang beramal dengan amalan yang bukan urusan kami, maka ianya tertolak.*

Selain itu banyak juga kajian-kajian dan penulisan yang telah dihasilkan dalam wacana bid'ah oleh sarjana Islam bertujuan menganalisis teori, isu-isu dan skop berkaitan bid'ah. Sebagai contoh Bahaya Bid'ah Terhadap Pemikiran Umat Islam, Perspektif Shatibi Terhadap Konsep Sunnah-Bid'ah: Analisis Terhadap Kitab *al-I'tisam* dan *al-Muwafaqat*, *Haqiqat al-Sunnah wa al-Bid'ah*, *'Id al-Yubil Bid'ah fi al-Islam*, *Kullu Bid'ah Dalalah* dan sebagainya.

Walaubagaimanapun, perbincangan dan kajian yang dijalankan tersebut menjurus kepada satu pertikaian yang berpanjangan antara aliran-aliran pemikiran dalam isu ini serta melahirkan budaya mentakfir akibat dari perbezaan pandangan ketika mewacanakan konsep serta isu-isu bid'ah. Dari satu segi, keterlibatan kalangan sarjana Islam dalam permasalahan ini secara langsung telah memalingkan tanggungjawab utama iaitu dakwah ke arah kebenaran dalam hal yang tiada perselisihan.<sup>6</sup>

Dalam wacana ini didapati al-Buti telah mengetengahkan idea yang sangat menarik untuk diteliti bersama oleh sarjana-sarjana Islam masa kini. Beliau juga adalah antara ulama yang sederhana pendiriannya dalam menangani isu-isu umat demi memelihara kesatuan umat Islam keseluruhannya sewaktu hayat kehidupannya.<sup>7</sup> Bagi tujuan menganalisis pemikiran beliau, elemen perbincangan seperti konsep bid'ah, faktor khilaf dalam menentukan isu-isu bid'ah dan kaedah berinteraksi dengan amalan baru akan dibincangkan dalam kajian ini.

## BIOGRAFI RINGKAS SA'ID RAMADAN AL-BUTI

Perbincangan pemikiran konsep bid'ah Sa'id Ramadan al-Buti tidak sempurna tanpa mengemukakan beberapa perbincangan asas berhubung biografi beliau. Oleh itu, kajian akan

<sup>4</sup> Hadis Riwayat Bukhari, *Bab al-Sulh*, No Hadis 2697. Lihat al- Bukhari, *Sahih Bukhari*, (t: Dar Tawq al-Najat, 1422h) 3:184.

<sup>5</sup> Hadis Riwayat Muslim, *Bab Naqd al-Ahkam al-Batilah*, No Hadis 1718. Lihat Muslim, *Sahih Muslim*, (Beyrut: Dar Ihya al-Turath al-'Arabiyy, t.t) 3:1343.

<sup>6</sup> Muhammad Sa'id Ramadan al-Buti, *al-Islam Mallaz Kulli al-Mujtama'at al-Insaniyyah* (Damsyiq: Dar al-Fikr, 1984), 199.

<sup>7</sup> Al-Buti seringkali menekankan prinsip kesatuan ummah dalam menjawab persoalan yang mempunyai kepelbagaiian pandangan. Umpamanya dalam isu kaedah melihat anak bulan yang kini menjadi faktor perbezaan tarikh mula puasa antara Negara-negara umat Islam. Bagi tujuan mengharmonikan tarikh permulaan puasa tersebut beliau berpandangan sekiranya terdapat Imam al-'Azam maka seluruh negara Islam perlu menuruti keputusannya. Sila lihat, Muhammad Sa'id Ramadan al-Buti, *Muhadarat fi al-Fiqh al-Muqaran*, ed.ke-2 (Damsyiq: Dar al-Fikr, 1981), 17.

menyentuh secara ringkas beberapa aspek kehidupan bagi memberi gambaran keperibadian tokoh yang dikaji.

Nama penuh beliau ialah Muhammad Sa'id bin Ramadan bin Umar bin Murad.<sup>8</sup> Beliau diberi gelaran al-Buti disabitkan dengan nama tempat kelahiran iaitu kepulauan *Butan*. Al-Buti dilahirkan pada tahun 1929 M di sebuah perkampungan kecil di Turki yang dikenali sebagai *Jilka*. Perkampungan itu terletak di sebuah pulau bernama *Jazirah Ibn Umar* dalam Bahasa Arab dan *Jazirah Butan* dalam Bahasa Kurdi.<sup>9</sup> *Jazirah Butan* itu merupakan satu wilayah Anadol yang kini terletak di bawah kekuasaan negara Turki.<sup>10</sup> Keberadaan al-Buti di *Jilka* tidak lama kerana selepas empat tahun berada di perkampungan tersebut bapanya berhijrah dan membawa beliau bersama ke kota Damsyiq. Hal ini disebabkan bapanya tidak selesa dengan pemerintahan Turki ketika itu di bawah kekuasaan Mustafa Kamal Ataturk yang baru sahaja menjatuhkan kerajaan Uthmaniyyah.<sup>11</sup> Pelbagai peraturan-peraturan anti agama yang diperkenalkan oleh Artatuk ketika itu bertujuan untuk memerangi agama Islam.<sup>12</sup> Al-Buti merupakan anak kedua daripada empat orang adik-beradik. Beliau merupakan anak lelaki tunggal dalam keluarganya. Saudara kandungnya terdiri daripada tiga wanita iaitu Zainab, Rokiah dan Nai'mah.<sup>13</sup> Namun mereka telah meninggal dunia pada usia yang muda di Damsyiq.<sup>14</sup>

Pada usia 6 tahun, beliau berkesempatan mempelajari ilmu al-Quran dengan seorang guru wanita yang berkemahiran. Hasilnya, beliau hanya mengambil tempoh masa 6 bulan dan telah khatam al-Quran serta turut menghafalnya dengan baik di bawah seliaan guru wanita tersebut. Al-Buti seterusnya telah dihantar ke sekolah rendah persendirian berhampiran Suq Sarujah. Di situ beliau telah belajar ilmu agama dan asas ilmu Bahasa Arab dan Matematik.<sup>15</sup> Al-Buti juga telah mendapatkan pendidikan dari Syeikh Hasan Habannakah al-Midani sebuah masjid bernama *Jami' Manjak*. Masjid ini kemudian bertukar menjadi *Ma'had al-Tawjiyah al-Islami* di *Midan*.<sup>16</sup> Seterusnya, pada tahun 1955, beliau telah menamatkan pengajian di peringkat ijazah pertama dan memperolehi Ijazah dari Fakulti Syariah Universiti al-Azhar. Beliau turut memperolehi Diploma Pendidikan daripada Fakulti Bahasa Arab Universiti al-Azhar pada tahun 1956.<sup>17</sup> Selepas beberapa ketika, beliau telah dilantik sebagai guru dari tahun 1958 – 1960 di bandar Hama.<sup>18</sup> Kerana minatnya yang mendalam terhadap ilmu pengetahuan, beliau telah melanjutkan pelajaran di peringkat doktor falsafah di bawah tajaan Universiti Damsyiq.<sup>19</sup> Hasil pengajian di peringkat tersebut, beliau telah berjaya membentuk satu kajian berimpak

<sup>8</sup> Muhammad Sa'id Ramadan al-Buti, *Hadha Walidi: Al-Qisah al-Kamilah lihayat Syaikh Mulla Ramadan al-Buti min Wiladatihhi ila Wafatihhi* (Damsyiq: Dar al-Fikr, 1995), 13.

<sup>9</sup> Ibid.

<sup>10</sup> Zulkifli Mohamad al-Bakri, *Syeikh Muhammad Sa'id Ramadan al-Buti Yang Kukenali* (Nilai: Pustaka Cahaya Kasturi, 2013), 1.

<sup>11</sup> Zulkifli, *al-Buti Yang Kukenali*, 1.

<sup>12</sup> Ahmad Muhammed Jamallullail Tajudin dan Muhammad Adib Samsudin, “Ijtihad Kontemporari Muhammad Sa'id Ramadan al-Buti dalam Penulisan Dawabit al-Maslalah fi al-Shari'ah al-Islamiyyah” (Muzakarah Fiqh dan Seminar Fiqh Kebangsaan, Sepang Selangor, 3-4 Dis 2014).

<sup>13</sup> Muhammad Rashidi Wahab dan Syed Hadzrullah Syed Omar, “Kerangka Asas Pemikiran Tokoh Ulama Kontemporari: Muhammad Sa'id Ramadan al-Buti,” (Prosiding Nadwah Ulama Nusantara Kali Ke IV: Ulama Tranformasi Negara, Hotel Renaissance, Kota Bharu, Kelantan, 25-16 November 2011).

<sup>14</sup> Andreas Christmann, “Islamic Scholar and Religious Leader: A Portrait of Shaykh Muhammad Sa'id Ramadan al-Buti,” *Jurnal Islam and Christian-Muslim Relations* 9, no. 2 (1998), 150.

<sup>15</sup> Al-Buti, *Hadha Walidi*, 56.

<sup>16</sup> Ibid., 65.

<sup>17</sup> Muhammad Sa'id Ramadan al-Buti, *al-Inayah bi al-'Ibadat Asas la Budda minhu li Tasbit al-Mujtama'* al-Islami (t.t.p: al-Lajnah al-Ishtishariyyah al-'Ulyya, t.t), 7.

<sup>18</sup> Al-Buti, *Hadha Walidi*, 128.

<sup>19</sup> Rashidi dan Syed Hadzrullah Syed, “Kerangka Asas Pemikiran Tokoh Ulama Kontemporari.”

tinggi sehingga menjadi rujukan di masa kini yang bertajuk *Dawabit al-Maslahah fi al-Syari'ah al-Islamiyyah* dalam bidang *Usul al-Syari'ah* pada tahun 1965 di Fakulti Syari'ah dan Undang-undang Universiti al-Azhar.<sup>20</sup>

Selepas menamatkan pengajianannya di peringkat doktor falsafah pada tahun 1965, beliau telah dilantik sebagai pensyarah dalam bidang *al-Fiqh al-Islami al-Muqarin* dan *al-'Aqa'id wa al-Adyan* di Universiti Damsyiq. Al-Buti juga telah dilantik sebagai Dekan di Fakulti Syariah untuk beberapa sesi. Kredibiliti dan kebolehan yang dimilikinya telah membuka peluang kerjaya yang lebih baik bagi beliau dalam dunia akademik. Seterusnya, beliau dinaikkan pangkat menjadi Professor dalam bidang *al-Fiqh al-Islami al-Muqarin* di Jabatan *al-Fiqh al-Islamiwa Mazahibih*.<sup>21</sup>

Di samping berkhidmat secara langsung dalam dunia akademik di Universiti Damsyiq, beliau turut aktif menyandang beberapa jawatan lain samada sebagai penasihat, imam dan ahli keanggotaan dalam beberapa pertubuhan. Al-Buti juga seringkali menghadiri pelbagai seminar, muktamar dan nadwah di peringkat antarabangsa seperti *Multaqa al-Fikr al-Islami*. Lebih menarik, beliau begitu aktif dalam penglibatan sebegini. Dapat diringkaskan antara keterlibatan beliau ialah;

- Dalam kebanyakan negara-negara Arab dan Barat, terutamanya kuliah beliau di Majlis Kesatuan Parlimen Eropah di Strasbourg mengenai hak-hak minoriti di dalam Islam pada tahun 1991
- Penasihat dalam beberapa mesyuarat Majlis Fiqh Islam
- Anggota Perakaunan dan Pengauditan dalam Pertubuhan Institusi Kewangan Islam
- Anggota Persatuan Noor Islam di Perancis
- Anggota Majlis Penasihat Tertinggi bagi Muassasah Toba di Abu Dhabi
- Penyelia aktiviti-aktiviti keilmuan di al-Jami' al-Umawi
- Anggota Majlis Tertinggi di Akademi Oxford
- Anggota Kesatuan Diraja bagi mengkaji Ketamadunan Islam di Oman<sup>22</sup>
- Presiden Kesatuan Ulama Negeri Syria sehingga 2013<sup>23</sup>

Al-Buti juga terlibat secara langsung menyampaikan kuliah melalui media masa samada di corong radio mahupun di kaca televisyen. Antara rancangan khusus bagi beliau ialah '*Ulum al-Quran*,<sup>24</sup> *Nasaih Ramadaniyyah*<sup>25</sup>, *Dirasat Quraniyah al-Juz al-Thani*<sup>26</sup>, *al-Islam fi Mizan*

<sup>20</sup> Muhammad Sa'id Ramadan al-Buti, *Dawabit al-Maslahah fi al-Syari'ah al-Islamiyyah* (Damsyiq: Muassasah al-Risalah, 1973), muqaddimah kitab.

<sup>21</sup> Al-Buti, *Hadha Walidi*, Ibid.

<sup>22</sup> Erwa Alozn, "Muhammad Sa'id Ramadan al-Buti: Nashatatihi," laman sesawang *Iktishaf Suriah*, dicapai pada 5 Oktober 2015, <http://www.discover-syria.com/news/14531>.

<sup>23</sup> Muhammad Rashidi, "Biografi, Sumbangan, Pengiktirafan, dan Aspek Pemikiran al-Bouti," dalam *Imam Mohamed Sa'id Ramadan al-Bouti dalam Kenangan*, ed. TIM Akademi Intelektual Muda (AIMs) (Selangor: PTS, 2015), 12.

<sup>24</sup> Muhammad Sa'id Ramadan al-Buti, "'Ulum al-Quran," laman sesawang *Youtube*, dicapai pada 6 Oktober 2015, [https://www.youtube.com/watch?v=2Txfl-3Tp5E&list=PL01kYZIehH-poCA2uq\\_mT\\_2YFF6Dracse&index=63](https://www.youtube.com/watch?v=2Txfl-3Tp5E&list=PL01kYZIehH-poCA2uq_mT_2YFF6Dracse&index=63).

<sup>25</sup> Muhammad Sa'id Ramadan al-Buti, "Nasihat Baina Yadai Shahri Ramadan," laman sesawang *Youtube*, dicapai pada 6 Oktober 2015, <https://www.youtube.com/watch?v=xL1fxjWm6Q8>.

<sup>26</sup> Muhammad Sa'id Ramadan al-Buti, "Dirasat Quraniyah," laman sesawang *Youtube*, dicapai pada 6 Oktober 2015, <https://www.youtube.com/watch?v=QEirdKR9XRc>.

*al-Ilmi*<sup>27</sup>, *Ma'a al-Buti fi Qadaya al-Sa'ah*<sup>28</sup>, *Dirasat Quraniyah Ma'a al-Buti*<sup>29</sup> dan sebagainya. Beliau juga merupakan seorang penulis yang aktif. Al-Buti sangat kritis dan responsif terhadap keadaan semasa umat Islam dan menjadikan wadah penulisan sebagai ruang menjawab dan melontarkan pendapatnya. Al-Buti telah menghasilkan hampir 70 buah karya. Di samping itu, beliau juga merupakan seorang yang aktif menjawab persoalan yang dikemukakan kepadanya samaada melalui blog peribadinya atau portal yang dibina khusus untuk beliau.

Pada tanggal 21 Mac 2013, beliau telah wafat kerana terlibat dalam satu tragedi pengeboman yang berlaku di Masjid al-Iman. Kejadian itu berlaku ketika beliau sedang menyampaikan kuliah di hadapan jemaah yang hadir.<sup>30</sup> Peristiwa tersebut merupakan satu pembunuhan yang terancang kerana sehingga hari ini tiada kenyataan secara rasmi daripada kerajaan Syria dan tiada keputusan siasatan dikeluarkan mengenai pengeboman yang telah meragut nyawa al-Syahid al-Buti dalam kejadian itu.<sup>31</sup>

## KONSEP BID'AH DARI PERSPEKTIF AL-BUTI

Terdapat pelbagai pengertian<sup>32</sup> yang dikemukakan dalam memberi makna bid'ah dalam kalangan ulama. Namun, kebanyakannya tidak mencapai kata sepakat dalam kalangan ulama terhadap pengertian-pengertian tersebut. Menurut 'Izat 'Ali 'Itiyyah, para ulama berbeza pendapat dalam menentukan pengertian bid'ah di sisi syarak. Terdapat sebahagian ulama yang mendefinasikan bid'ah itu dengan skop yang lebih luas dan sebaliknya terdapat sebahagian yang lain dengan skop yang lebih sempit.<sup>33</sup> Antara takrifan yang memberi pengertian bid'ah secara sempit seperti takrifan daripada Ibn Rajab al-Hanbali (795H) iaitu setiap perkara yang diadakan yang tiada asal daripada syariah sebagai sandaran.<sup>34</sup> Sementara takrifan yang luas makna bid'ah antaranya sebagaimana yang diberikan oleh 'Izz al-Din 'Abd al-Aziz bin 'Abd al-Salam (660H). Keluasan konsep bid'ah yang dibawa oleh 'Izz al-Din dapat dilihat dari pembahagian bid'ah kepada 5 bahagian iaitu wajib, haram, sunat, makruh dan harus.<sup>35</sup> Persoalannya, adakah wujud pembahagian bid'ah seperti yang dinyatakan oleh 'Izz al-Din 'Abd al-Aziz bin 'Abd al-Salam? Hal ini kerana, apabila dilihat kembali, bid'ah itu sendiri memberi gambaran yang negatif bahkan ianya merujuk kepada kesesatan dalam agama.<sup>36</sup> Maka adakah semua perkara baru tercela hukumnya atau terdapat istilah lain yang lebih harmoni dalam ilmu *usul al-fiqh*.

<sup>27</sup> Muhammad Sa'id Ramadan al-Buti, "al-Islam fi Mizan al-'Ilmi," laman sesawang *Youtube*, dicapai pada 6 Oktober 2015, [https://www.youtube.com/watch?v=2\\_C-81h\\_WJg](https://www.youtube.com/watch?v=2_C-81h_WJg).

<sup>28</sup> Muhammad Sa'id Ramadan al-Buti, "Ma'a al-Buti fi Qadaya al-Sa'ah," laman sesawang *Youtube*, dicapai pada 6 Oktober 2015, <https://www.youtube.com/watch?v=IWN89-eCMDM>.

<sup>29</sup> Muhammad Sa'id Ramadan al-Buti, "Dirasat Quraniyah Ma'a al-Buti," laman sesawang *Youtube*, dicapai pada 6 Oktober 2015, <https://www.youtube.com/watch?v=f3AA9khDwA>.

<sup>30</sup> al-Buti, "Video Capturing the Death of Dr. Mohammed Said Ramadan al-Bouti by Terrorist," laman sesawang *Youtube*, dicapai 11 Oktober 2015, <https://www.youtube.com/watch?v=zHxBsv1rDHs>.

<sup>31</sup> Rumaizuddin Ghazali, "Jihad, Dakwah, dan Citra Ketamadunan al-Bouti," dalam *Imam Mohamed Said Ramadan al-Bouti dalam Kenangan*, ed. Tim Akademi Intelektual Muda (AIMs) (Selangor: PTS, 2015), 56.

<sup>32</sup> Pengertian yang dimaksudkan oleh pengkaji dalam perbahasan ini ialah daripada perspektif istilah. Sementara dari segi bahasa makna bid'ah ialah mengadakan sesuatu yang tidak ada sebelum itu.

<sup>33</sup> 'Izat 'Ali 'Itiyyah, *al-Bid'ah: Tahdiduhawa Mauqif al-Islam minha* (Beirut: Dar al-Kitab 'Arabi, 1980), 160.

<sup>34</sup> Zain al-Din Abu al-Farj 'Abd al-Rahman bin Shihab al-Din, Ibn Rejab, *Jami' al-'Ulum wa al-Hikam fi Sharh Khamsin Hadith min Jawami' al-Kalim* (Damsyiq: Dar Ibn Kathir, 2008), 156.

<sup>35</sup> Abu Muhammad 'Izz al-Din 'Abd al-Aziz bin 'Abd al-Salam, *Qawaaid al-Ahkam fi Masalih al-Anam*, ed. Taha 'Abd al-Rauf Sa'ad (t.t.p: t.p, 1991), 2: 204.

<sup>36</sup> al-Buti, *al-Islam Mallaz Kulli al-Mujtama't*, 195.

Dari sudut konsep, al-Buti memilih takrifan yang mencapai kesepakatan dalam kalangan ulama sebagai permulaan perbahasan bid'ah dalam penulisan beliau supaya perbicangan dalam isu ini berada dalam ruang lingkup perbahasan yang disepakati. Bid'ah yang disepakati larangannya dalam al-Quran dan al-Sunnah ialah seperti yang dinyatakan oleh al-Shatibi dalam kitabnya *al-I'tisam*. Terdapat dua pengertian yang diberikan oleh al-Shatibi; Pertama, suatu jalan dalam agama yang direka menyerupai syariat dengan tujuan berlebih-lebihan dalam pengabdian kepada Allah.<sup>37</sup> Kedua, suatu jalan dalam agama yang dicipta menyerupai syariat dengan tujuan menempuhnya seperti ianya disyariatkan.<sup>38</sup> Al-Buti cenderung mendefinisikan bid'ah dengan berpegang kepada takrifan yang pertama. Hal ini kerana dalam takrifan yang kedua seperti yang dinyatakan oleh al-Shatibi akan memasukkan beberapa perkara khilaf yang tidak mencapai kata sepakat.<sup>39</sup> Pemilihan takrifan al-Shatibi oleh al-Buti adalah disebabkan beberapa faktor antaranya kesungguhan al-Shatibi dalam memerangi perkara bid'ah dan hal ini diperakui oleh ulama selepas zamannya.<sup>40</sup> Kajian turut mendapati bahawa mengambil pengertian yang pertama dalam hal ini akan memelihara perkara ijma' dan mencegah daripada perbalahan tanpa menafikan ketokohan al-Shatibi sebagai ilmuwan Islam.

Oleh yang demikian, setiap perkara yang direka cipta atas nama agama sama ada dalam perkara aqidah dan ibadah<sup>41</sup> dikategorikan sebagai bid'ah secara pasti dan disepakati. Menambah dan mengurangkan sesuatu dalam aqidah dan ibadah dengan tujuan melampaui dalam pengabdian kepada Allah merupakan perbuatan bid'ah yang tercela dan terlarang.<sup>42</sup> Al-Buti memberikan beberapa contoh dalam perkara ini seperti mencipta solat tambahan dari solat-solat fardhu dan solat-solat sunat, menambah puasa pada hari tertentu dengan fadilat yang khusus tanpa ada sandaran dari al-Quran dan al-Sunnah, mewajibkan sesuatu warna makanan sebagai pengabdian kepada Allah, meninggikan suara dengan berzikir dan berqasidah di hadapan jenazah, melaungkan azan ketika memasukkan jenazah ke dalam kubur serta mencipta kepercayaan bahawa neraka jahanam akan musnah dan azab ke atas orang kafir akan terhenti adalah merupakan perkara-perkara yang termasuk dalam makna bid'ah oleh ijma' ulama muslimin. Sesiapa yang melakukan perbuatan-perbuatan tersebut dihukum sesat seperti yang termaktub dalam hadith Nabi Muhammad SAW.<sup>43</sup>

## FAKTOR PERBEZAAN DALAM KLASIFIKASI ISU-ISU BID'AH

Mengadakan sesuatu perkara baru yang tidak berlandaskan dalil syarak dengan tujuan melampaui dalam ibadah ialah bid'ah tercela. Ianya merupakan satu prinsip yang disepakati oleh ijma'. Namun, di manakah wujudnya punca perbezaan (khilaf) dalam persoalan bid'ah ini dalam menilai sesuatu perkara itu sebagai sesat dan haram. Dalam persoalan ini, al-Buti menjelaskan kemungkinan punca khilaf bertitik tolak daripada dua faktor.

**Pertama** ialah amalan yang berkaitan dengan adat di mana persoalannya, adakah ia termasuk dalam makna bid'ah yang dilarang oleh agama. Sekiranya benar begitu, maka setiap

<sup>37</sup> Abu Ishak Ibrahim bin Musa bin Muhammad al-Ghurnati al-Shatibi, *al-I'tisam* (T.tp: Dar Ibn 'Affan, 1992), 1:50. Takrif paling baik, terbaik, diijma'kan dan paling kukuh. Sila lihat Abi Asamah Salim bin 'Id al-Hilali al-Salafi, *al-Bid'ah wa Atharuha al-Sayyi' fi al-Ummat* (Beirut: Dar Ibn Hazm, 2000), 9.

<sup>38</sup> Al-Shatibi, *al-I'tisam*, 51.

<sup>39</sup> Muhammad Sa'id Ramadan al-Buti, *al-Salafiyah Marhalah Zamaniyyah Mubarakah la Madhab Islami*, ed. ke-2 (Damsyiq: Dar al-Fikr, 1996), 146.

<sup>40</sup> al-Buti, *al-Islam Malaz Kulli al-Mujtama'at*, 192.

<sup>41</sup> Ibadat merupakan setiap sesuatu yang melahirkan nilai ketuhanan, mengagungkan Allah, berserah diri kepadaNya dan bergantung harap dengan Nya. Sila rujuk 'Izz al-Din 'Abd al-Aziz bin 'Abd al-Salam, *Qawaid al-Ahkam*, 2: 72.

<sup>42</sup> Al-Buti, *al-Salafiyah*, 146.

<sup>43</sup> Ibid.

amalan yang menjadi adat dalam kalangan manusia dan terdapat perbezaan di dalamnya dengan generasi sahabat serta adat-adat mereka, atau bercanggah dengan adat sepertimana yang diperkenalkan oleh Rasulullah SAW merupakan bid'ah.<sup>44</sup> Faktor ini juga digariskan al-Shatibi dalam memberi pengertian sebenar bid'ah.<sup>45</sup> Menurut al-Buti, para salaf tidak mencapai kata sepakat dalam persoalan adat ini. Sebahagian para sahabat dan tabi'in tidak melibatkan diri dan melarang daripada melakukan sesuatu adat baru selepas kewafatan baginda. Adat-adat tersebut termasuklah dalam soal makanan, pakaian atau tempat tinggal dan sebagainya.<sup>46</sup>

Dari segi definisi, adat ialah amalan yang dilakukan manusia sebagai wasilah untuk mencapai *maslahah* dalam mengatur urusan hidup seperti pembangunan dan pertanian yang tidak mempunyai motif ta'abbudi berdasarkan kedudukan asalnya dalam syariah.<sup>47</sup> Para ulama telah membahagikan adat kepada dua kategori iaitu yang pertama terdiri dari adat yang diawasi oleh syarak dengan syarat dan had tertentu. Setiap adat yang diamalkan secara kontradik dengan syarat dan had ini maka ia dianggap sebagai bid'ah. Antaranya ialah nikah tanpa mahar, berwudu' tanpa membasuh muka dan cukup dengan berwudu' untuk mengangkat hadas besar. Sementara bahagian kedua pula, syarak memberi kebebasan dalam pengamalan beberapa perkara adat bersandarkan prinsip umum syariah dan objektif syarak yang diambil dari dalil-dalil syarak. Antaranya ialah perkara yang terhasil melalui pengalaman seperti pertanian dan pertukangan atau dalam perkara yang terhasil daripada pemikiran seperti kaedah menuntut ilmu, politik dan seumpamanya.<sup>48</sup> Bahagian kedua ini sudah tentu akan sentiasa mengalami perubahan mengikut kepada keadaan dan suasana semasa masyarakat dengan syarat adat-adat tersebut tidak memudaratkan dan mendatangkan kebaikan kepada manusia.

Bagi sebahagian ulama seperti al-Shatibi,<sup>49</sup> adat termasuk dalam perbuatan bid'ah yang sesat dengan beberapa dalil. Pertama, syarak telah menjelaskan segala undang-undang untuk kebaikan makhluk dalam kehidupan mereka. Perkara tersebut samada dalam perkara ibadat atau adat. Jika dalam ibadat boleh berlaku bid'ah, hal yang sama turut berlaku dalam adat. Kedua, kebanyakan adat telah tersebar dengan meluas dalam kalangan manusia dan telah menjadi ibadat yang direka cipta seperti cukai (denda).<sup>50</sup>

Hujah ini kemudiannya ditolak oleh aliran yang berpendapat bahawa adat tidak termasuk dalam amalan bid'ah yang tercela berdasarkan beberapa fakta. Pertama, keharusan berlaku bid'ah secara logik akal dalam perkara-perkara adat dapat diterima, namun kemungkinan berlaku bid'ah adat dan ibadat dalam satu perkara yang sama sesuatu yang tidak dapat diterima. Kedua, sekiranya seluruh perkara adat adalah bid'ah maka wajar dianggap seluruh amalan yang tidak berlaku pada zaman Nabi Muhammad SAW seperti makanan, minuman dan pakaian sebagai bid'ah. Perkara ini tidak dapat diterima oleh akal yang sejahtera kerana setiap zaman itu berubah dari segi tempat, masa dan suasana. Selain itu, melazimi sesuatu adat secara wajib sedangkan telah berlaku perubahan dari segi suasana akan menimbulkan kesukaran dan kepayahan.<sup>51</sup>

Menilai kedudukan adat di sisi syarak, al-Buti menjelaskan beberapa contoh adat baru yang ditemui oleh Rasulullah SAW dan para sahabat ketika berhijrah ke Madinah. Misalnya,

<sup>44</sup> Ibid., 147.

<sup>45</sup> Al-Shatibi, *al-I'tisam*, 50-51

<sup>46</sup> Al-Buti, *al-Salafiyyah*, 147.

<sup>47</sup> Muhammad Reda 'Abd al-'Alim al-Kafrawi dan 'Abd al-'Aziz 'Abd al-Ghafar al-Shadhali, *Laisa Kullu Jadid Bid'ah* (Qaherah: Wizarah al-Awqaf, 1989), 43. 'Izat, *al-Bid'ah: Tahdiduha*, 258.

<sup>48</sup> Al-Kafrawi dan al-Shadhali, *Laisa Kullu Jadid*, 44.

<sup>49</sup> Syed Mohd Jefferi Syed Jaafar, "Analisis Perbandingan antara Pemikiran Ibn 'Abd al-Salam (M660H) dan al-Shatibi (M790H) Tentang Teori Bid'ah" (tesis Kedoktoran, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2017), 169.

<sup>50</sup> 'Izat, *al-Bid'ah: Tahdiduha*, 259.

<sup>51</sup> Ibid., 261.

ketika di Mekah mereka tidak menggunakan gelas kaca tetapi apabila berada di Madinah mereka minum menggunakannya. Dari segi pakaian juga telah berlaku perubahan di mana mereka terdedah dengan pakaian yang berjahir semasa di Madinah.<sup>52</sup> Al-Shatibi membuat kesimpulan berkenaan perkara adat ini dengan menyebut:

*Apa yang difahami oleh akal maknanya dan diketahui maslahah dan kemudaratannya, merupakan perkara adat. Bersuci, solat, berpuasa dan haji kesemuanya perkara ta'abbudi, manakala urusan jual beli, penceraian, sewa-menyejahtera dan jenayah kesemuanya adalah urusan adat, kerana hukum-hukumnya dapat difahami maknanya. Namun ia juga terikat dengan perkara ta'abbudi, kerana terikat dengan urusan-urusan syarak yang tidak ada pilihan kepada golongan mukallaf samada dari segi tuntutan maupun pilihan.*<sup>53</sup>

Hakikatnya, kesimpulan yang dibuat oleh al-Shatibi ini turut mengklasifikasikan amalan adat itu kepada dua bahagian iaitu diikat dengan syarat dan had tertentu seperti dalam urusan pernikahan dan adat yang tidak terikat dengan had dan syarat bahkan diberikan kebebasan untuk menguruskannya demi merealisasikan *maslahah*.

Oleh itu, perbezaan yang berlaku dalam menentukan kedudukan perkara adat itu menimbulkan khilaf dalam amalan-amalan adat. Justeru, dalam perkara adat seperti ini, pengkaji cenderung untuk mengikut aliran yang membahagikan adat ini kepada dua kategori seperti yang telah dibincangkan. Sebagai contoh dalam amalan berpakaian di mana pakaian yang dipakai oleh orang muslim akan menepati garis panduan syarak seperti menutup aurat dengan sempurna. Pada masa yang sama, akan lahirnya inovasi yang menepati budaya dan adat sesuatu bangsa dalam bab pakaian. Sementara dalam perkara adat yang diberikan kebebasan maka umat Islam bebas melakukan segala pembaharuan selagi mendatangkan *maslahah* dan terhindar dari *mafsadah* terhadap agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

**Kedua**, aplikasi takrifan bid'ah terhadap masalah-masalah yang bersifat *juzi* seperti amalan zikir secara berjemaah, tahlil, bacaan yasin di malam Jumaat dan sebagainya.<sup>54</sup> Usaha penerapan secara praktikal dan menentukan hukumnya terhadap perkara *juziyyah* akan membuka ruang perbezaan akibat daripada realiti ijтиhad. Hal ini telah disebutkan juga oleh al-Buti di mana beliau berpendapat bahawa perbezaan pandangan dalam penilain amalan bid'ah ini terjadi berpunca dari proses ijтиhad mengenalpasti *tahqiq al-manat*.<sup>55</sup>

Sesuatu dalil hukum daripada al-Quran dan al-Sunnah itu terdapat '*illah*' yang perlu dirungkai melalui kaerah-kaerah tertentu samada melalui nas, *ijma'*, *al-sabr wa al-taqsim*, dan *tanqih al-manat*.<sup>56</sup> Daripada '*illah*' tersebut maka hukum yang telah dinaskan dalam al-Quran dan al-Sunnah dapat diqiyaskan kepada '*furu'* dan masalah *juziyyah* berdasarkan persamaan '*illah* hukum yang terdapat dalam *al-asl* dan *furu'*'.<sup>57</sup> Perbezaan pasti berlaku dalam kalangan ulama dalam menentukan '*illah* hukum melalui kaerah *tanqih al-manat*, *tahqiq al-manat*, dan *takhrij al-manat*'.<sup>58</sup> *Tahqiq al-manat* ialah satu proses yang digunakan oleh ulama usul bagi menentukan persamaan '*illah* yang terdapat dalam *furu'* yang hendak diqiyaskan daripada hukum asal samada '*illah* hukum asal itu diperoleh daripada nas atau melalui istinbat'.<sup>59</sup> Sebagai

<sup>52</sup> Al-Buti, *al-Salafiyyah*, 15.

<sup>53</sup> Al-Shatibi, *al-I'tisam*, 570.

<sup>54</sup> Al-Buti, *al-Salafiyyah*, 148.

<sup>55</sup> Ibid.

<sup>56</sup> Wahbah al-Zuhaili, *al-Wajiz fi Usul al-Fiqh* (Damsyiq: Dar al-Fikr, 1999), 75-81.

<sup>57</sup> Ibid., 56.

<sup>58</sup> Muhammad al-Khudri, *Usul al-Fiqh*, ed. ke-6 (t.p: t.p., 1969), 332.

<sup>59</sup> Al-Zuhaili, *al-Wajiz*, 82. Khalid Ramadan Hasan, *Mu'jam Usul al-Fiqh* (t.p: al-Raudah, 1998), 196.

contohnya, larangan berzikir secara lantang yang ditegah oleh Ibn Mas'ud<sup>60</sup> di mana 'illah tegahan tersebut tidak jelas dan terdapat beberapa kemungkinan seperti ia mungkin dilarang atas dasar berzikir dengan suara yang lantang atau berkumpul dalam satu majlis zikir secara berkumpulan atau sangkaan kumpulan tersebut yang merasa mereka lebih komited terhadap agama dengan majlis zikir. Oleh itu terdapat perbezaan pandangan dalam menentukan isu berzikir dengan suara yang lantang seperti yang dilakukan oleh golongan sufi<sup>61</sup> kerana dalil tegahan daripada Ibn Mas'ud tersebut tidak jelas 'illahnya. Maka dalam hal ini, al-Buti berpendapat dakwaan bahawa majlis zikir sebagai bid'ah yang tercela disisi agama dilakukan oleh sekumpulan umat Islam yang bergiat aktif sebagai penggerak dakwah Islam dalam jemaah Islamiyyah disebabkan oleh salah faham mereka dalam pertimbangan antara aktiviti *tazkiyat al-nafs* dan aktiviti dakwah. Lantaran itu tidak hairan, apabila terdapat sebilangan dari anggota jemaah Islamiyyah tersebut melakukan tomahan dengan berkata waktu yang diinfaqkan bagi menghadiri majlis zikir tersebut lebih baik dimanfaatkan untuk melakukan amal Islami atau turut serta dalam amal haraki dan berkhidmat untuk mendirikan *mujtama'* Islam.<sup>62</sup> Walaubagaimanapun, sekiranya dapat dikenalpasti *illah* pengharaman wujud dalam sesuatu majlis zikir seperti adanya unsur pemujaan, maka jelas kedudukan majlis tersebut tergolong dalam aktiviti bid'ah. Begitu juga dalam isu-isu yang lain, di mana apabila telah dikenalpasti sesuatu 'illah pada *al-asl* dan ianya terkandung dalam mana-mana amalan baru yang muncul, maka hukum perbuatan baru (*al-furu'*) sama seperti mana hukum *al-asl*. Justeru itu, berlakunya perbezaan dalam menentukan sesuatu isu itu sebagai bid'ah atau tidak adalah kerana perbezaan *tahqiq al-manat* dalam kalangan para ulama.

Realitinya, interaksi manusia dengan kehidupan secara sunnatullah akan melahirkan perkara-perkara baru dalam kehidupan masyarakat. Hal ini kerana, setiap zaman mempunyai suasana berbeza dari segi teknologi, sosial, ilmu dan aspek lain. Menganggap amalan baru sebagai bid'ah sedangkan ianya tidak bercanggah sedikit pun dengan *usul al-din* serta hukum-hukumnya adalah suatu pemikiran yang kurang tepat. Lantaran itu juga, terdapat kaedah fiqh<sup>63</sup> dibina berdasarkan kepada perubahan realiti di mana ianya layak dijadikan sebagai panduan ketika menilai sesuatu perkara baru.

Al-Buti ketika membahaskan persoalan bid'ah ini, beliau menyimpulkan bahawa tindakan dan amalan seseorang akan dianggap bid'ah bilamana terdapat niat beragama ketika melangsungkan sesuatu perbuatan sedangkan hakikat perbuatan tersebut tidak sebegitu. Beliau menjelaskan, *manat* (punca) terjadi bid'ah yang tercela apabila pelaku bid'ah berniat sewaktu melaksanakan sesuatu amalan dengan niat agama.<sup>64</sup> Dari satu sudut yang lain, seluruh perbuatan mahupun aktiviti lain terdiri daripada tradisi masyarakat mahupun inovasi ciptaan moden adalah diharuskan sebagai cara merealisasikan *maslahah* dunia dan akhirat selagi mana perbuatan tersebut tidak didahului dengan tanggapan ianya satu juzuk dari agama.<sup>65</sup> Hal ini kerana syarak tidak menentukan keseluruhan perbuatan diluar skop *ta'abbud*. Oleh yang demikian, selagi mana perbuatan tersebut tidak dianggap sebagai sebahagian dari agama, tidak

<sup>60</sup> Golongan yang menegah berzikir dengan suara yang lantang pula berhujah dengan athar antaranya Abdullah Ibn Mas'ud: 'Sesungguhnya anda telah melakukan satu bid'ah secara zalim atau sesungguhnya anda telah melebihi para sahabat Muhammad dari segi keilmuan.'

<sup>61</sup> Contoh ini dari inisiatif pengkaji dalam meneliti isu-isu yang terdapat khilaf dalam menentukan statusnya sebagai bid'ah atau tidak. Namun tidak syak lagi berzikir dengan tarian, joget secara melampau merupakan bid'ah yang sesat.

<sup>62</sup> Muhammad Sa'id Ramadan al-Buti, *Yughalitunaka Idh Yaqulun* (Damsyiq: al-Sadiq li al-'Ulum, 2010), 269.

<sup>63</sup> الاصول في الاشياء الابدية. Melalui kaedah tersebut beberapa kelompok ulamak seperti ulama Hanafiah berpendapat bahwasanya uruf menjadi sumber hukum syarak dengan diikat dengan beberapa prinsip tertentu.

<sup>64</sup> Al-Buti, *al-Islam Mallaz Kulli al-Mujtama'at*, 194.

<sup>65</sup> Ibid., 194.

mendatangkan mudarat, menepati *maqasid al-shari'ah* dari dalil-dalil hukum dan mendatangkan *maslahah* maka hukumnya adalah harus.<sup>66</sup>

Namun begitu, sekiranya perbuatan atau aktiviti tersebut jelas bertentangan dengan tuntutan mahupun larangan yang telah termaktub dalam syarak maka hukum tindakan dan amalan tersebut adalah haram. Hal ini kerana, perbuatan kebiasaan al-adat dapat dibahagi kepada dua bentuk di mana samada ianya diikat dengan had dan syarat tertentu atau tidak terikat dengan apa jua syarat seperti dibincangkan sebelum ini.<sup>67</sup> Sebaliknya, sekiranya sesuatu aktiviti tidak bertepatan tetapi tidak berlawanan dengan hukum-hukum syarak serta prinsip-prinsip syarak maka aktiviti yang diadakan itu bersifat *mursal*<sup>68</sup> di mana kewujudannya sudah pasti akan menjurus kepada lima *maslahah* yang dipelihara oleh agama iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan nasab.<sup>69</sup> Menurut al-Buti, amalan sebegini hakikatnya perlu dilihat sebagai sunnah hasanah di mana kewajipan dan keharusannya di nilai dari segi kekuatan *maslahah* yang terkandung dalam sesebuah amalan.<sup>70</sup> Sebagai contohnya, penciptaan teknologi penyebaran maklumat, mendirikan sekolah-sekolah dan universiti dan seumpamanya.

Justeru, amat jelas bahawa segala perbuatan baru yang tidak lahir pada zaman nabi tidak boleh dikategorikan sebagai bid'ah secara simplistik. Hal ini kerana, tercela atau tidak perbuatan itu bergantung kepada pelakunya. Sekiranya penciptaannya dicipta atau dilakukan untuk tujuan keagamaan maka ianya tergolong dalam amalan bid'ah yang sesat lagi tercela. Namun, sekiranya aktiviti tersebut diimarahkan sekadar bertujuan mendatangkan *maslahah* dan kebaikan kehidupan dunia dan akhirat maka ianya disebut sebagai sunnah hasanah atau dalam isitilah *usul al-fiqh masalih al-mursalah*.

## KESIMPULAN

Dalam membincangkan permasalahan bid'ah, konsepnya dan elemen-elemen lain yang berkaitan dari perspektif pemikiran al-Buti, pengkaji mendapati bahawa al-Buti adalah seorang ilmuan yang menentang keras amalan bid'ah. Hal ini jelas bila mana beliau mengatakan sesuatu amalan bid'ah adalah sesat dan perlu dijauhi. Oleh kerana itu juga, bagi beliau tiada istilah bid'ah hasanah dalam syarak. Dalam hal ini, beliau berpandangan istilah sunnah hasanah adalah lebih tepat bertepatan dengan hadith yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim seperti yang telah dijelaskan.

Menyoroti pemikiran dan pandangan al-Buti berkaitan teori bid'ah, beliau menyimpulkan bahawa terjadinya perbezaan dalam penempelan istilah bid'ah terhadap amalan-amalan khilafiyah adalah disebabkan oleh perbezaan analisis para fuqaha. Hal ini begitu jelas ketika beliau menyentuh perbahasan mengenai faktor tersebut di mana faktor pertama melibatkan perbezaan penerimaan amalan berhubung amalan yang sinonim dengan adat. Seterusnya perbezaan juga boleh berpuncak dari perbezaan *tahqiq al-manat* (proses kenal pasti persamaan '*illah* dalam *al-furu'*). Oleh itu, berhubung amalan khilafiah yang meluas pengamalannya dalam kalangan umat Islam, beliau menegaskan pendekatan dakwah yang perlu dilakukan oleh para pendakwah adalah mengutamakan perbincangan yang tiada unsur khilaf agar tercapainya misi penyebaran dakwah Islam dalam suasana menjaga kesatuan umat.

Di samping itu, pemikiran beliau berkaitan dengan amalan-amalan baru sangat jelas. Seolah-olah telah terbentuk satu formula dan konsep yang lengkap bagi mengatasi persoalan baru dengan adil dan bijaksana. Dalam hal ini, menurut beliau hukum bid'ah atau tidak sesuatu

<sup>66</sup> Al-Kafrawi dan al-Shadhali, *Laisa Kullu Jadid*, 45.

<sup>67</sup> Ibid., 44.

<sup>68</sup> Al-Buti, *al-Islam Mallaz Kulli al-Mujtama'at*, 194-195.

<sup>69</sup> al-Buti, *Dawabit al-Maslahah*, 119.

<sup>70</sup> Al-Buti, *al-Islam Mallaz Kulli al-Mujtama'at*, 195.

amalan yang tidak wujud pada fasa kenabian, para sahabat dan generasi ketiga umat Islam adalah bergantung kepada bagaimana keadaan amalan itu dilaksanakan. Sekiranya amalan itu dibuat dengan niat kerana agama, jelas sekali perbuatan tersebut dianggap bid'ah yang tercela. Apatah lagi menganggap perbuatan itu sebahagian dari bentuk keagamaan yang dengannya dapat mendekatkan diri kepada Allah. Umpamanya dalam upacara sambutan kelahiran Nabi Muhammad SAW. Di mana dalam sambutan tersebut jelas tidak diniatkan kerana menurut mana-mana tuntutan agama yang tiada sandarannya. Namun, ianya dibuat sebagai jalan untuk memenuhi rasa cinta kepada Rasul semata-mata dengan pengisian yang bermanfaat.<sup>71</sup> Oleh kerana itu juga, al-Buti menjelaskan, perbuatan yang dilakukan kerana niat keberagamaan telah meletakkan perbuatan seseorang individu ke dalam hakikat bid'ah yang tercela. Selanjutnya perbuatan yang jelas tiada sandaran kewajibannya serta pengharamannya boleh dilaksanakan dibawah konsep *masalih al-mursalah*. Di mana perbuatan-perbuatan tersebut diperlukan oleh umat manusia khususnya umat Islam bagi merealisasikan *maslahah* dalam kehidupan dunia dan akhirat. Oleh itu, pengkaji mencadangkan agar pemikiran sebegini diketengahkan dalam masyarakat demi membanteras amalan bid'ah dalam suasana membentuk sikap *tasamuh* dalam mendepani perkara khilafiah.

## BIBLIOGRAFI

- Abu Ishak Ibrahim bin Musa bin Muhammad al-Ghurnati al-Shatibi. *al-I'tisam*. T.tp: Dar Ibn 'Affan, 1992.
- al- Bukhari. *Sahih Bukhari*. t:t: Dar Tawq al-Najat, 1422h.
- Abu Asamah Salim bin 'Id al-Hilali al-Salafi. *al-Bid'ah wa Atharuha al-Sayyi' fi al-Ummat*. Beirut: Dar Ibn Hazm, 2000.
- Ahmad Muhammed Jamallullail Tajudin dan Muhammad Adib Samsudin, "Ijtihad Kontemporari Muhammad Sa'id Ramadan al-Buti dalam Penulisan Dawabit al-Maslalah fi al-Shari'ah al-Islamiyyah". Muzakarah Fiqh dan Seminar Fiqh Kebangsaan, Sepang Selangor, 3-4 Dis 2014.
- Khalid Ramadan Hasan. *Mu'jam Usul al-Fiqh*. t.tp: al-Raudah. 1998.
- Andreas Christmann, "Islamic Scholar and Religious Leader: A Potrait of Shaykh Muhammad Sa'id Ramadan al-Buti." *Jurnal Islam and Christian-Muslim Relations* 9, no. 2 (1998).
- Erwa Alozn, "Muhammad Sa'id Ramadan al-Buti: Nashatatihi." laman sesawang *Iktishaf Suriah*. Dicapai pada 5 Oktober 2015. <http://www.discover-syria.com/news/14531>.
- 'Izat 'Ali 'Itiyyah. *al-Bid'ah: Tahdiduha wa Mauqif al-Islam minha*. Beirut: Dar al-Kitab 'Arabi, 1980.
- Abu Muhammad 'Izz al-Din 'Abd al-Aziz bin 'Abd al-Salam. *Qawa'id al-Ahkam fi Masalih al-Anam*, ed. Taha 'Abd al-Rauf Sa'ad. t.tp: t.p, 1991.
- Muslim. *Sahih Muslim*. Beyrut: Dar Ihya al-Turath al-'Arabiyy, t.t.
- Muhammad Sa'id Ramadan al-Buti. *al-Islam Mallaz Kulli al-Mujtama'at al-Insaniyyah*. Damsyik: Dar al-Fikr, 1984.
- \_\_\_\_\_. *Muhadarat fi al-Fiqh al-Muqaran*, ed.ke-2. Damsyik: Dar al-Fikr, 1981.
- \_\_\_\_\_. *Al-Qisah al-Kamilah lihayat Syaikh Mulla Ramadan al-Buti min Wiladatihii ila Wafatihii*. Damsyik: Dar al-Fikr, 1995.
- \_\_\_\_\_. "Video Capturing the Death of Dr. Mohammed Said Ramadan al-Bouti by Terrorist," laman sesawang *Youtube*. Dicapai 11 Oktober 2015. <https://www.youtube.com/watch?v=zHxBsv1rDHs>.

<sup>71</sup> Zulkifli Mohamad al-Bakri, "Bayan Linnas Siri Ke-80: Hukum Menyambut Maulid Al-Rasul," laman web rasmi *Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan*, dicapai 18 Disember 2016, <http://muftiwp.gov.my/index.php/ms-my/perkhidmatan/bayan-linnas/1332-bayan-linnas-siri-ke-80-hukum-menyambut-maulid-al-rasul>.

- . *al-Inayah bi al-'Ibadat Asas la Budda minhu li Tasbit al-Mujtama'* al-Islami. t.t.p: al-Lajnah al-Ishtishariyyah al-'Ulya, t.t.
- . *Dawabit al-Maslahah fi al-Syari'ah al-Islamiyyah*. Damsyik: Muassasah al-Risalah, 1973.
- . 'Ulum al-Quran," laman sesawang *Youtube*. Dicapai pada 6 Oktober 2015. [https://www.youtube.com/watch?v=2Txfl-3Tp5E&list=PL01kYZIehH-poCA2uq\\_mT\\_2YFF6Dracse&index=63](https://www.youtube.com/watch?v=2Txfl-3Tp5E&list=PL01kYZIehH-poCA2uq_mT_2YFF6Dracse&index=63).
- . "Nasihat Bainayadai Shahri Ramadan," laman sesawang *Youtube*. Dicapai pada 6 Oktober 2015. <https://www.youtube.com/watch?v=xL1fxjWm6Q8>.
- . "Dirasat Quraniyah," laman sesawang *Youtube* Dicapai pada 6 Oktober 2015. <https://www.youtube.com/watch?v=QEirdKR9XRc>.
- . "al-Islam fi Mizan al-'Ilmi," laman sesawang *Youtube*. Dicapai pada 6 Oktober 2015. [https://www.youtube.com/watch?v=2\\_C-81h\\_WJg](https://www.youtube.com/watch?v=2_C-81h_WJg).
- . "Ma'a al-Buti fi Qadaya al-Sa'ah," laman sesawang *Youtube*. Dicapai pada 6 Oktober 2015. <https://www.youtube.com/watch?v=IWN89-eCMDM>.
- . "Dirasat Quraniyah Ma'a al-Buti," laman sesawang *Youtube*. Dicapai pada 6 Oktober 2015. <https://www.youtube.com/watch?v=f3AA9klhDwA>.
- . *al-Salafiyah Marhalah Zamaniyyah Mubarakah la Madhhab Islami*, ed. ke-2. Damsyik: Dar al-Fikr, 1996.
- . *Yughalitunaka Idh Yaqulun*. Damsyik: al-Sadiq li al-'Ulum, 2010.
- Muhammad Rashidi Wahab dan Syed Hadzrullathfi Syed Omar, "Kerangka Asas Pemikiran Tokoh Ulama Kontemporari: Muhammad Sa'id Ramadan al-Buti." Prosiding Nadwah Ulama Nusantara Kali Ke IV: Ulama Tranformasi Negara, Hotel Renaissance, Kota Bharu, Kelantan, 25-16 November 2011.
- Muhammad Rashidi, "Biografi, Sumbangan, Pengiktirafan, dan Aspek Pemikiran al-Bouti." Dalam *Imam Mohamed Sa'id Ramadan al-Bouti dalam Kenangan*, ed. TIM Akademi Intelektual Muda (AIMs). Selangor: PTS, 2012.
- Muhammad Reda 'Abd al-'Alim al-Kafrawi dan 'Abd al-'Aziz 'Abd al-Ghafar al-Shadhali. *Laisa Kullu Jadid Bid'ah*. Qaherah: Wizarah al-Awqaf, 1989.
- Muhammad al-Khudri. *Usul al-Fiqh*, ed. ke-6. t.t.p: t.p., 1969.
- Rumaizuddin Ghazali, "Jihad, Dakwah, dan Citra Ketamadunan al-Bouti." Dalam *Imam Mohamed Said Ramadan al-Bouti dalam Kenangan*, ed. Tim Akademi Intelektual Muda (AIMs). Selangor: PTS, 2015.
- Shihab al-Din Abi Muhammad 'Abd al-Rahman bin Isma'il bin Ibrahim, Abi Shamah. *al-Ba'ith 'ala Inkar al-Bida' wa al-Hawadith*, ed. ke-2. Mekah: Matba'ah al-Nahdah al-Hadithah, 1981.
- Syed Mohd Jefferi Syed Jaafar. "Analisis Perbandingan antara Pemikiran Ibn 'Abd al-Salam (M660H) dan al-Shatibi (M790H) Tentang Teori Bid'ah." Tesis Kedoktoran, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2017.
- Wahbah al-Zuhaili. *al-Wajiz fi Usul al-Fiqh*. Damsyik: Dar al-Fikr, 1999.
- Zulkifli Mohamad al-Bakri. *Syeikh Muhammad Sa'id Ramadan al-Buti Yang Kukenali*. Nilai: Pustaka Cahaya Kasturi, 2013.
- , "Bayan Linnas Siri Ke-80: Hukum Menyambut Maulid Al-Rasul," laman web rasmi *Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan*. Dicapai 18 Disember 2016. <http://muftiwp.gov.my/index.php/ms-my/perkhidmatan/bayan-linnas/1332-bayan-linnas-siri-ke-80-hukum-menyambut-maulid-al-rasul>.
- Zain al-Din Abu al-Farj 'Abd al-Rahman bin Shihab al-Din, Ibn Rejab. *Jami' al-'Ulum wa al-Hikam fi Sharh Khamsin Hadith min Jawami' al-Kalim*. Damsyik: Dar Ibn Kathir, 2008.